

KURSUS NEGARA BANGSA

SINOPSIS

"Pembinaan negara bangsa merupakan matlamat utama sesebuah negara dan boleh dianggap sebagai kemuncak kejayaan bagi sesebuah negara, pentadbiran serta penduduknya." - Mohamad Rodzi Abdul Razak: JEBAT 36 (2009) 90-106

Kursus Negara Bangsa dilaksanakan bagi membantu penjawat awam memahami konsep pembinaan Negara Bangsa Malaysia menurut Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan sejarah. Konsep-konsep penting pembinaan negara bangsa seperti asimilasi, integrasi, nasionalisma, patriotisma, pembentukan jati diri, hubungan etnik dan pengurusan perpaduan masyarakat majmuk akan dibincangkan secara kritis bagi mencetus kesedaran dan pemikiran matang peserta.

HASIL (OBJEKTIF) PEMBELAJARAN

Pada akhir kursus, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Rukun Negara, peserta akan dapat:

1. Membincangkan dengan kritis dan matang mengenai konsep-konsep penting pembinaan negara bangsa;
2. Membentangkan dan berinteraksi secara matang mengenai faktor-faktor pemangkin dan penghalang pembinaan Negara Bangsa Malaysia; dan
3. Mencadangkan idea-idea baharu dalam usaha berterusan pembinaan Negara Bangsa Malaysia.